

# Kaut hasil laut RM1.5 juta guna bot klon

SH 8/3/2021 m/s 21

Taktik nelayan Vietnam guna nombor pendaftaran tempatan terbongkar

Oleh NORAWAZNI YUSOF

## KUANTAN

**S**ekumpulan nelayan warga Vietnam dikesan berselindung di sebalik bot klon dengan menggunakan nombor pendaftaran tempatan untuk mengaut hasil laut di negara ini.

Bagaimanapun, taktik mereka berjaya dikesan apabila bot berkenaan ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) pada jam 7 pagi Sabtu.

Bot dikendalikan sepenuhnya warga Vietnam itu ditahan ketika berada di kedudukan kira-kira 40 batu nautika di Timur Laut Rompin dengan membawa peralatan menangkap ikan dan hasil laut yang dianggarkan bernilai RM1.5 juta.

Pengarah Maritim Pahang, Laksamana Pertama Maritim, Datuk Amran Daud berkata, kumpulan nelayan terbabit ditahan ketika pasukan Maritim menjalankan rondaan Ops Kuda Laut di Perairan Pahang dan mengesan bot yang mencurigakan sedang menjalankan aktiviti penangkapan ikan.

Ketika menghampiri bot terbabit katanya, pihak berku-



Hasil laut yang ditemui di dalam bot nelayan Vietnam ketika pemeriksaan dilakukan Maritim di kedudukan kira-kira 40 batu nautika di Timur Laut Rompin pada Sabtu.

asa mendapati seramai 25 kru termasuk tekong berusia 19 hingga 59 tahun dan tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri yang sah.

"Pemeriksaan lanjut mendapati dokumen yang dikemukakan tekong itu meragukan susulan nombor siri enjin bot berbeza dengan yang tercatat di dalam lesen.

"Kesemua mereka dibawa masuk ke Zon Maritim Kemaman untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat bagi tindakan selanjutnya," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Beliau berkata, kes disiasat di bawah seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985 yang membawa hukuman denda sehingga RM6 juta ke atas tekong dan RM600,000 ke atas setiap kru kerana tidak memiliki sebarang permit untuk beroperasi di per-

airan di Malaysia.

"Mereka juga boleh disabitkan dengan Akta Imigresen 1959/1963 Seksyen 6(1)(c) yang membawa denda RM10,000 atau penjara lima tahun atau kedua-duanya serta boleh dikenakan sebatan tidak lebih enam sebatan kerana tidak mempunyai pengenalan diri yang sah," katanya.

Sementara itu, Amran berkata, taktik menggunakan nombor pendaftaran palsu atau bot klon menjadi salah satu modus operandi nelayan Vietnam untuk mengaburi pihak berkuasa.

Bagaimanapun katanya, sifat dan struktur fizikal bot nelayan Vietnam berbeza dengan bot nelayan tempatan serta kelakuan mereka yang mencurigakan membolehkan penguat kuasa menghidu aktiviti mereka di perairan negara.